

19/08/1999

Perjanjian tingkat kerjasama sains, teknologi dimeterai

BEIJING, Rabu - Malaysia dan China hari ini menandatangani dua perjanjian bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan antara kedua-dua negara.

Majlis itu diadakan selepas pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan rakan sejawatnya dari China, Zhu Rongji, di Great Hall of The People, di sini.

Perjanjian yang membabitkan Akademi Sains Malaysia dengan Akademi Kejuruteraan China dan Akademi Sains China itu, turut disaksikan Dr Mahathir serta Rongji.

Akademi Sains Malaysia diwakili Pengerusinya, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, manakala Akademi Kejuruteraan China oleh Presidennya, Dr Soon Jian dan Akademi Sains China pula oleh Presidennya, Prof Lu Yongxiang.

Perdana Menteri berada di sini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke China bermula hari ini.

Antara lain perjanjian itu membolehkan kedua-dua pihak bertukar maklumat dan kepakaran dalam bidang sains serta kejuruteraan, khususnya membabitkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, Akademi Sains Malaysia akan mendapatkan bantuan saintis China dalam beberapa projek penyelidikan yang dijalankan termasuk di bidang perubatan.

Melalui perjanjian itu juga, saintis Malaysia akan dibenar menggunakan pelbagai kemudahan penyelidikan di China di samping memindahkan teknologi berkenaan ke tanah air.

Difahamkan, sebagai permulaan, Akademi Sains Malaysia akan menghantar rombongan pegawainya ke sini Oktober depan bagi meninjau dan berbincang lebih lanjut mengenai kerjasama itu.

China antara negara Asia yang mempunyai banyak kemudahan penyelidikan, selain melahirkan ramai pakar sains, teknologi dan kejuruteraan.

Pada majlis sama, satu perjanjian usahasama membabitkan projek perladangan hutan serta kilang palpa dan kertas turut ditandatangani antara Innoprise Corporation Sdn Bhd dan Lion Forest Industries Sdn Bhd dengan China Fuxin Pulp and Paper Industries Co Ltd.

Innoprise diwakili Pengerusinya, Tan Sri Khalil Jamalul, Lion Forest pula oleh Pengerusinya, Tan Sri William Cheng, manakala China Fuxin diwakili Penolong Pengarah Jawatankuasa Perancangannya, Si Jiau Ming.

Sementara itu, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) hari ini turut menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan China National Cereals and Foodstuffs Import and Export Corporation (COFCO) membabitkan kegiatan perdagangan tukar barang.

Melalui perjanjian itu, Bernas bersetuju membeli beras dari COFCO, manakala syarikat China itu pula mengimport minyak sawit Malaysia.

Pada masa ini, Bernas mengimport 150,000 tan metrik beras dari China bernilai AS\$33 juta setahun. Dengan perjanjian ini, COFCO diharap dapat mengimport minyak sawit pada nilai sama.

(END)